

Isu projek dekat Zoo Negara

Kajian EIA

jadi penentu

Oleh WAN HAMIDIHAMID dan
AZHAR ABU SAMAH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Hanya kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar boleh menentukan pelaksanaan projek pembinaan padang golf dan kondominium di Kampung Kemensah, berhampiran Zoo Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pakar yang layak saja boleh membuat dan menyediakan laporan EIA bagi pelaksanaan sesuatu projek pembangunan.

Laporan EIA disediakan oleh pakar perunding sesebuah syarikat yang

akan melaksanakan projek pembangunan. Laporan itu akan dipertimbangkan oleh Jabatan Alam Sekitar selepas mengkaji dan menyiasat tapak projek kawasan itu.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka yang bukan pakar dalam bidang penentuan EIA tidak boleh membuat pelbagai dakwaan selagi laporan penilaian bagi sesuatu projek belum diluluskan.

"Selagi EIA tidak diluluskan, pembangunan tidak boleh dilaksanakan. Jadi anggapan bahawa pencemaran akan berlaku seperti didakwa oleh orang yang tidak ditugaskan untuk membuat penilaian ini, tidaklah boleh menjadi panduan kepada kita," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas upacara memecah tanah projek Menara Kuala Lumpur di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kajian EIA yang diuruskan oleh pakar perlu diberi pertimbangan serius.

"Dalam semua projek pembangunan, yang penting ialah kajian EIA yang diuruskan oleh pakar. Ia adalah perkara yang perlu diberi pertimbangan serius.

"Kadangkala ada perasaan tidak puas hati (di kalangan pihak tertentu) kerana sebab-sebab lain atau mempunyai kepentingan lain yang menggunakan isu alam sekitar untuk sesuatu tujuan. Oleh itu, lebih baik jika kajian dan laporan EIA disediakan," katanya.

Di Istana Bukit Kayangan Shah Alam semalam, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Muhd Taib yang mempersembahkan taklimat mengenai projek The Lost Horizon di Kampung Kemensah kepada Sultan Selangor, menyatakan kerajaan negeri tetap meneruskan projek itu dengan beberapa pindaan, termasuk mengkaji kemungkinan membatal cadangan membina padang golf 18 lubang.

Cadangan asal projek itu ialah pemi-

LIHAT MUKA 2

I Alam sekitar diambil kira

BH - 5 OCT 1991
DARI MUKA 1

naan padang golf 18 lubang, 2,065 unit kondominium, 78 unit banglo, 175 unit rumah teres, 60 unit pangsapuri dan 32 unit rumah kedai di kawasan luar sempadan Hutan Simpan Hulu Gombak.

Bagaimanapun, beberapa pihak, termasuk pengurusan Zoo Negara membantah projek itu kerana ia dikatakan boleh mencemarkan alam sekitar serta mendatangkan kesan buruk kepada zoo.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan sentiasa memastikan semua projek pembangunan di negara ini dilaksanakan secara teliti dengan mengambil kira keadaan alam sekitar.

Ditanya mengenai campur tangan Sultan Selangor berhubung projek pembangunan berhampiran Zoo Negara, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak ada apa-apa komen."

Semalam, Sultan Selangor

dilapor menitahkan pembinaan padang golf dalam projek itu ditarik balik manakala pembinaan rumah kediaman dihadkan bagi mengelak pencemaran alam.

Sehubungan itu, apabila ditanya sama ada projek itu boleh diteruskan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia terpujang kepada kelulusan laporan EIA yang menentukan sama ada projek itu diuruskan mangikut undang-undang negara.